

Sharifah Mazlina ke Norway jalani latihan fasa kelima

HM 18/12/06

KUALA LUMPUR: Wanita Asia pertama merentasi Antartika secara solo, Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, akan berlepas ke Norway malam ini untuk menjalani latihan fasa kelima selama seminggu, sebagai persediaan menghargungi Ekpedisi Kutub Utara: Misi Kutub ke Kutub 2006/2007.

“Latihan kali ini memabitkan simulasi sebenar yang memberi penekanan kepada aspek fizikal, teknikal dan survival,” katanya pada sidang akhbar selepas

melancarkan Pusat Rehabilitasi di Pusat Perubatan Pantai di sini, semalam.

Katanya, semasa latihan itu, beliau akan mencuba semua peralatan yang bakal digunakan, termasuk pakaian dan alat komunikasi untuk melihat kesesuaian dan ketahanan peralatan terbabit.

Sharifah Mazlina berkata tumpuan akan diberikan terhadap cara penggunaan kereta luncur salji iaitu peralatan khas untuk membawa semua barang keperluannya semasa ekspedisi itu. — Bernama